

RINGKASAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 (AKTA 88)

Seksyen	Kesalahan	Penalti
3	Pengintipan bagi maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia.	Penjara seumur hidup.
4 (1)	Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, ukuran dalam atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia.	Penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada empat belas tahun.
7 (a)	Tidak melaporkan kejadian bahawa terdapat individu yang meminta rahsia rasmi.	Penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun.
7 (b)	Meletakkan diri ke dalam kepercayaan agen negara asing.	Penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun.
8 (1)	Menyampaikan rahsia rasmi dengan salah (menyampaikan, menggunakan, menyimpan dalam milik, tidak menjaga rahsia rasmi dengan cara yang berpatutan, atau bertingkah laku sehingga membahayakan keselamatan sesuatu rahsia rasmi).	Penjara tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak lebih daripada 7 tahun.
9 (2)	Seseorang yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia dengan... <ul style="list-style-type: none"> ▪ menyimpan suratan rasmi; ▪ membenarkan seseorang lain memiliki; ▪ tidak memulangkannya; ▪ ada dalam miliknya sesuatu anak kunci; atau ▪ dengan diketahui membuat pernyataan palsu. 	Penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.
11	Seseorang yang tidak memberi maklumat yang diminta oleh yang yang berhak (polis, pegawai yang diberi kuasa) berhubungan dengan sesuatu kesalahan yang disyaki.	Penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun
13	Melindungi pesalah.	Penjara tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak lebih daripada 7 tahun.